

# Bekalan kuasa mudah alih ciptaan UTHM

**B**EKALAN kuasa mudah alih (MOPs) merupakan alat mudah alih yang membekalkan tenaga elektrik (arus ulang alik) untuk semua peralatan elektrik.

Produk ini dihasilkan daripada kumpulan penyelidik yang diketuai pensyarah Jabatan Kejuruteraan Elektrik Kuasa (FKEE), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Prof. Madya Ir. Dr. Erwan Sulaiman dengan kerjasama Eclimo Sdn. Bhd.

Produk seberat tiga kilogram (kg) ini mempunyai empat pelabuhan (*port*) USB, dua soket AC, dan juga lampu LED digital yang mudah dikendalikan, selamat dan tidak mencemarkan alam sekitar.

Menerusi produk tersebut, bekalan elektrik mudah diperolehi pada bila-bila masa dan di mana sahaja seperti di rumah, bazar Ramadhan, aktiviti berkelah, pasar malam dan terutama ketika kecemasan.



Produk seberat tiga kilogram (tiga kg) ini mempunyai empat pelabuhan (*port*) USB, dua soket AC, dan juga lampu LED digital yang mudah dikendalikan, selamat dan tidak mencemarkan alam sekitar.

Produk ini juga telah didaftarkan hak cipta bernombor rujukan LY 2017000793 bawah geran penyelidikan ICI-I010 dan sedang dalam proses pengkomersialan menerusi perjanjian kerjasama dengan pihak industri.

Di samping itu, produk ini telah dianugerahkan pingat emas dalam pertandingan Reka Bentuk Reka Cipta dan Inovasi (IID) Johor 2017 yang berlangsung baru-baru ini

Amansari Residence  
Resort Bandar Seri  
Alam, Johor.

